

'Syukur dibantu nelayan Indonesia'

SH 19/9/2015 mlj 36

Dua nelayan tersesat ke perairan negara jiran kerana jerebu

NOR FARHANA YA'ACOB

MELAKA TENGAH

“**S**etiap kali turun ke laut, pak cik berdoa ALLAH SWT melindungi kami dan syukur kami selamat walaupun terpaksa menempuhi pelbagai dugaan termasuk keadaan jerebu tebal,” kata nelayan, Putih Dagang, 62, yang ditemukan selamat setelah


dilaporkan hilang sejak turun ke laut di Jeti Nelayan Pantai Puteri di sini petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 7 petang itu, warga emas berkenaan bersama anak ketiganya, Shahrul Putih, 33, pergi menangkap ikan dengan perjalanan dianggarkan selama satu jam dari jeti nelayan iaitu pada jarak kira-kira 10 batu nautika.

Menurutnya, ketika mahu bertolak pulang kira-kira jam 12 tengah malam, penglihatan mereka dua beranak menjadi semakin kabur akibat jerebu tebal tetapi tetap meneruskan perjalanan pulang.

“Pak cik kemudian menyedari tersasar arah selepas mendapati lampu bot beryala disebabkan ham-

Putih dan Shahrul selamat tiba di Jeti Pengkalan Nelayan Pantai Puteri semalam.



Putih ditemani isterinya ketika ditemui semalam.

pir kehabisan minyak dan rupanya telah menghampiri perairan Indonesia.

“Nasib baik ketika itu kami bertemu beberapa

nelayan Indonesia yang menghulurkan pertolongan untuk memberikan minyak malangnya mereka menggunakan minyak diesel.

“Disebabkan masalah itu mereka dengan kekuatan lima bot menarik bot kami menuju ke tempat perkampungan mereka di

Pulau Rapat, Indonesia,” katanya kepada pemberita selepas selamat tiba di Jeti Pengkalan Nelayan Pantai Puteri di sini semalam.